Bahagian A [20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1 Yang manakah padanan yang betul bagi kelompok bahasa dengan anggaran usia bahasa tersebut?

	Anggaran usia bahasa	
	Tidak melebihi 2500 tahun	*Antara 2500 hingga 5000 tahun*
A	Austronesia, Melanesia	Mikronesia, Austroasia
B	Nusantara, Mikronesia	Austris, Austroasia
C	Polinesia, Nusantara	Austronesia, Tibet-China
D	Melanesia, Polinesia	Austronesia, Austris

2 Pernyataan yang berikut benar tentang bahasa Melayu kuno, **kecuali**

A kata kerja pasif ditandai oleh awalan *ni-*

B vokal *e* pepet tidak terdapat dalam bahasa Melayu kuno

C bunyi [w] dalam bahasa Melayu kuno sama dengan bunyi [b] dalam bahasa Melayu moden

D fungsi awalan *ma-* dalam bahasa Melayu kuno sama dengan awalan *ber-* dalam bahasa Melayu moden

3 Yang manakah batu bersurat yang ditulis dengan huruf Nagiri?

I Batu bersurat di Gandasuli

II Batu bersurat di Kota Kapur

III Batu bersurat di Bangkahulu

IV Batu bersurat di Karang Brahi

A I dan III

B I dan IV

C II dan III

D II dan IV

4 Yang berikut ialah bukti penggunaan bahasa Melayu klasik, **kecuali**

A batu bersurat di Minye Tujoh

B patung gangsa di Padang Lawas

C batu nisan Sultan Malik al-Salleh

D surat Sultan Abu Hayat II kepada Raja John III

7

	Tokoh bahasa tempatan
I	Raja Ali Haji
II	Nik Safiah Karim
III	Asmah Haji Omar
IV	Zainal Abidin Ahmad

	Karya
P	Susur Galur Bahasa Melayu
Q	Ilmu Mengarang Melayu
R	Sosiolinguistik Bahasa Melayu dan Pengajaran
S	Kitab Pengetahuan Bahasa

Yang manakah padanan yang betul antara tokoh bahasa tempatan dengan karyanya?

	I	II	III	IV
A	*Q*	*P*	*R*	*S*
B	*P*	*Q*	*S*	*R*
C	*S*	*R*	*P*	*Q*
D	*R*	*S*	*Q*	*P*

8 Yang manakah ayat yang mengandungi kosa kata berimbuhan pinjaman daripada bahasa Arab?

I Rafiq bercita-cita untuk menjadi angkasawan negara.

II Sukatan Pelajaran STPM Baharu turut mementingkan aspek insaniah.

III Pentaksiran berasaskan sekolah melibatkan kerja projek atau kerja amali.

IV Pakar pendidikan menggunakan prinsip pembelajaran untuk mengubah tingkah laku bilazim seseorang.

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

9 Yang manakah pernyataan yang benar tentang kajian fonetik?

I Menentukan lambang bagi bunyi bahasa

II Menentukan sistem ejaan bagi sesuatu bahasa

III Mengenal pasti fungsi bunyi dalam sesuatu bahasa

IV Mengkaji bunyi bahasa yang dihasilkan oleh alat pertuturan manusia


A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

13



Yang manakah perkataan yang mengandungi bunyi yang diwakili oleh *P* dan *Q* dalam gambar rajah di atas?

	P	*Q*
A	Besi	Molek
B	Lepak	Soal
C	Emak	Sorak
D	Lempar	Telur

14 Yang manakah pasangan perkataan yang kedua-duanya mengandungi gabungan dua huruf yang diwakili oleh satu lambang fonetik?

A Hanyut, ragut

B Senyap, perang

C Akhir, tergugat

D Ternyata, berganti

15 Yang manakah perkataan yang bermula dengan bunyi letupan lelangit lembut dan berakhir dengan bunyi geseran?

I Bilas

II Kerah

III Teguh

IV Ganas

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

19

I	II	III	IV
kental masuk	kroni gatra	traktor kontras	budak undi

Yang manakah padanan yang betul tentang pola suku kata bagi perkataan yang disenaraikan dalam kumpulan I, II, III, dan IV di atas?

	I	II	III	IV
A	KVK	KKV	KKVK	KV
B	KKVK	VKK	KV	KVKK
C	KV	KVK	KKV	KKVK
D	KVK	KV	KKVK	KKV

20 Yang manakah ayat yang **tidak** memerlukan tanda koma (,)?

I Dia tidak membeli kasut itu kerana harganya mahal.

II Lantaran ibunya tidak bersetuju dia menolak lamaran lelaki itu.

III Disebabkan hari hampir hujan pada ketika itu dia ke rumah saya.

IV Kereta itu rosak teruk di bahagian enjin walaupun baru sahaja dibeli.

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

Bahagian B [30 *markah*]

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab semua soalan.

Rabu – 2 Mac 2011

Sudah seminggu aku terpenjara. Aku tidak dibenarkan pulang sejak aku pengsan di tepi jalan raya tempoh hari. Abang Jamil telah membawa aku ke hospital. Aku menyesal kerana tidak mendengar kata-kata Kak Mardiah yang menyuruh aku membuat pemeriksaan di hospital. Aku tetap berdegil walaupun telah hampir seminggu aku demam. Terima kasih Abang Jamil, Kak Mar kerana masih mengambil berat terhadap aku yang begitu degil. Aku masih tidak dapat menerima kenyataan bahawa aku terpaksa menghadapi semua ini. Aku tahu itu tidak patut. Aku tahu aku harus reda, seperti kata Kak Mar, tapi...perasaan aku masih konkrit terpasak atas lantai keegoan.

Amirah

"Maaf Cik Mardiah. Dukacita dimaklumkan bahawa Amirah disahkan menghidap penyakit limfatik filariasis. Diagnosis ini berdasarkan ujian darah dan ujian air kencing yang telah kami lakukan tempoh hari." Kata-kata Dr. Hisyam kembali bermain dalam ruang ingatan Mardiah.

"Limfatik filariasis?" Mardiah seolah-olah kebingungan. Dia tidak jelas dengan penyakit yang dihidapi oleh adiknya itu.

"Ya, limfatik filariasis ataupun untut," jelas Dr. Hisyam.
"Oh, penyakit untut! Tapi doktor, bagaimana adik saya boleh mendapat penyakit ini? Penyakit ini penyakit berjangkit ke atau penyakit ini sejenis wabak, seperti H1N1?"

"Sebenarnya penyakit ini berpunca daripada gigitan nyamuk yang membawa agen filarial," jelas Dr. Hisyam.

"Agen filarial? Bukan ke nyamuk hanya menyebabkan penyakit denggi?" Mardiah bingung lagi.

"Tak, awak silap. Sebenarnya nyamuk juga boleh menyebabkan penyakit limfatik filariasis. Jika denggi disebabkan oleh nyamuk Aedes, penyakit ini pula dibawa oleh nyamuk *brugia malayi*." Penerangan Dr. Hisyam itu membuatkan Mardiah terdiam seketika.

"Doktor, sejauh manakah bahayanya penyakit ini? Apakah kesannya terhadap adik saya?" Mardiah bimbang.

"Limfatik filariasis juga dikenali sebagai *elephantiasis*, iaitu keadaan yang menyebabkan pembengkakan di bahagian paha bawah kaki sehingga ke tumit yang disebabkan oleh radang di saluran limfa kaki. Inilah yang menjadikan kakinya membesar seperti kaki gajah."

"Tak adakah cara untuk menyembuhkan penyakit ini?"
"Setakat hari ini, belum ada lagi. Kami hanya boleh membantu menghalang penyakit ini daripada menjadi semakin serius," jelas Dr. Hisyam.

Butir permata terus gugur menjamah pipi Mardiah yang kering itu. Mengingat kembali kata-kata Dr. Hisyam membuatkan perasaannya lebih terjeruk. Dia meratapi nasib adiknya. Dia menyedari bahawa itu adalah antara kesan kelalaian terhadap penjagaan persekitaran tempat tinggal mereka.

(Disesuaikan daripada *Tunas Cipta*, Ogos 2012)

21 Jelaskan maksud frasa

(*a*) *...perasaan aku masih konkrit terpasak atas lantai keegoan...* (baris 8-9) [2]

(*b*) *...membuatkan perasaannya lebih terjeruk...* (baris 37) [2]

22 Mengapakah Amirah mengganggap dirinya ego? [2]

23 Apakah punca penyakit untut atau "limfatik filariasis"? [2]

24 Jelaskan mesej yang hendak disampaikan oleh penulis melalui cerpen tersebut. [2]

25

...kesan kelalaian terhadap penjagaan persekitaran... (Baris 38)

Jelaskan kesan yang dimaksudkan dalam petikan di atas. Panjang jawapan anda hendaklah tidak melebihi 150 patah perkataan. [20]

Bahagian C [50 *markah*]

Tulis **sebuah** *karangan yang panjangnya antara 600 hingga 650 patah perkataan berdasarkan satu daripada tajuk-tajuk di bawah.*

26 Banyak faktor berlakunya kes penderaan kanak-kanak di negara kita. Jelaskan faktor-faktor tersebut.

27 Pencapaian negara kita dalam bidang sukan tidak begitu memuaskan dan masih banyak lagi usaha yang perlu dilakukan untuk meningkatkan mutu sukan negara. Jelaskan langkah-langkah yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan pencapaian negara kita dalam bidang tersebut.

28 Perkembangan bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) banyak memberikan kesan positif terhadap pembelajaran para pelajar. Huraikan kesan-kesan positif yang dimaksudkan.

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Bahasa Melayu

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta